

Lapor pihak berkuasa jika ada maklumat monopoli projek kerajaan

Mohd. Khuzaire Ismail
25 Ogos 2019 2:29 PM



BUTTERWORTH 25 Ogos - Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat mengenai kewujudan komplot dalam bidaan projek kerajaan perlu melaporkan kepada pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, laporan juga boleh dibuat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang bertanggungjawab secara langsung berhubung perkara tersebut.

Jelas beliau, dakwaan itu sekiranya benar merupakan satu kesalahan dan penyelewengan kerana melibatkan ketirisan dana awam sekali gus boleh diambil tindakan.

"Jika ada kartel (monopoli) itu tidak diizinkan kerana kita mahu satu persaingan yang adil dan tidak harus ada mana-mana konspirasi daripada pihak tertentu untuk tekankan harga supaya dapat memihak kepada mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Guan Eng mengulas mengenai laporan sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit kini dalam siasatan MyCC kerana syarikat yang memenangi tender itu disyaki berkomplot dalam bidaan hingga menyebabkan ketirisan dana awam.

Laporan itu turut menyebut siasatan berkenaan dibuat susulan aduan dan maklumat diterima MyCC mengenai taktik kontraktor dan pembekal yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak menjadi lebih tinggi.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) akan menjalankan penilaian terperinci berhubung projek memindahkan air mentah dari Perak ke negeri ini yang melibatkan perbelanjaan kira-kira RM1 bilion.

Menurut beliau, projek Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak dengan usahasama pihak swasta dan awam itu akan dijalankan secara tender terbuka menerusi permohonan cadangan (RFP).

"Saya percaya Perak bersedia mendengar pandangan dan juga cadangan yang disyorkan dan yang penting projek ini akan memberikan manfaat kepada kedua-dua negeri.

"Kita mahu formula menang-menang supaya kedua-dua negeri boleh menikmati hasilnya," katanya.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan air Pulau Pinang (PBAPP) sebelum ini berusaha menjadikan Sungai Perak sebagai sumber air mentah kedua atau pilihan bagi negeri ini sejak 2011. - UTUSAN ONLINE

